

SPA longgar syarat BMI

■ 252 calon KPSL layak dipanggil ambil ujian

Oleh Ainul Fatimah Mansor

am@mediaprima.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menegaskan sudah memberi kelonggaran syarat ujian fizikal untuk pegawai Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) membabitkan jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred N41.

Pengerusinya Tan Sri Mahmood Adam berkata, dalam urusan pengambilan jawatan itu, seramai 252 calon KPSL yang layak dipanggil bagi ujian berkenaan membabitkan 86 calon di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan 141 calon di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Tiada tapisan bidang pengajian atau Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) dikenakan kepada calon ini berbanding 9,963 calon lantikan terus yang dipanggil menghadiri ujian fizikal dan pancaendera yang sama.

"Selain itu, calon KPSL juga diberi pengecualian ujian penglihatan, kecergasan dan kelonggaran syarat Indeks Jisim Badan (BMI) iaitu hanya 19 hingga 30 berbanding calon lain yang disyaratkan BMI antara 19 hingga 26," katanya.

Hadir sama, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Datuk Omar Osman.

Mahmood berkata, calon KPSL sudah diberi pelbagai



keistimewaan berbanding calon lain berdasarkan pertimbangan sewajarnya dari SPA dan ketua perkhidmatan skim jawatan yang terbabit.

Menurutnya, ketetapan BMI itu harus dilihat dari sudut positif di mana faktor kesihatan dan kecergasan akan mencerminkan imej pegawai serta jabatan bagi jawatan badan beruniform.

"SPA bukan saja memberi peluang kepada calon KPSL untuk dipanggil temu duga namun perlu juga memberi peluang kepada calon lantikan terus yang terlalu besar bilangan permohonannya dan masih ramai lagi yang tidak mempunyai pekerjaan.

"Oleh itu, SPA perlu memberi pertimbangan sewajarnya dan sama rata kepada semua calon iaitu sama ada calon KPSL atau calon lantikan terus," katanya.

Katanya, SPA juga sentiasa bersikap terbuka dan jika terdapat calon yang tidak boleh menghadiri temu duga disebabkan perkara yang tidak boleh dielakkan, mereka boleh menghubungi SPA un-

“Tiada tapisan bidang pengajian atau CGPA dikenakan kepada calon”

Mahmood Adam

tuk memohon pertukaran tarikh yang bersesuaian.

"Mereka (calon) juga boleh memilih waktu temu duga pada waktu malam atau hujung minggu semasa mengisi borang permohonan," katanya.

Sementara itu, Omar berkata, sahsaran CUEPACS itu adalah bagi memastikan pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim berkenaan diberi keutamaan dan kelonggaran termasuk mendapat peluang kedua.

"Kami memohon supaya perkara ini dapat disemak dari semasa ke semasa bagi memastikan pegawai yang sudah lama berkhidmat menikmati kenaikan yang sepatutnya.

"CUEPACS faham jumlah jawatan yang ditawarkan adalah terhad, namun biarlah mereka yang layak dan sudah berkhidmat lama dalam perkhidmatan diberi keutamaan" katanya.

Baru-baru ini Harian Metro melaporkan CUEPACS menggesa SPA melonggar syarat ujian KPSL bagi pegawai di badan beruniform agar tidak membebaskan calon berkelayakan tinggi dari segi pengalaman dan cara bertugas.

SPA longgar syarat ujian fizikal 252 calon

Putrajaya: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sudah melonggarkan beberapa syarat termasuk dari segi ujian fizikal bagi 252 calon Pegawai Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) membatikan jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred N41.

SPA juga tidak membuat sebarang tapisan dari segi bidang pengajian bagi calon KPSL terbabit dan memberi keutamaan kepada mereka yang layak dipanggil temuduga bagi dipertimbangkan mengisi jawatan berkenaan.

Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam, berkata berbanding 9,963 calon lantikan terus dari kalangan lepasan ijazah yang memohon dan dipanggil menghadiri ujian fizikal serta pancaindera, calon KPSL dikecualikan daripada ujian penglihatan dan kecergasan.

"Selain itu, calon KPSL juga diberi ke-longgaran syarat Indeks Jisim Badan (BMI) iaitu hanya 19 hingga 30 berbanding calon lain yang disyaratkan perlu mempunyai BMI antara 19 hingga 26," katanya dalam sidang media di pejabatnya, di sini semalam.

BERITA HARIAN 20/9/2013

M/S 16

Kwong Wah Yit Poh & Pengang Sin Poe
20/9/2013 A7 +

2013年9月20日 星期五

A7



玛末阿当（左）与奥玛奥斯曼周四出席记者会，商讨在职官职委任升级重考事项。

在职官员委任升级者 可豁免多项测试

（布城19日讯）公共服务委员会考虑允许无法通过身体质量指数（BMI）测试的在职官员委任升级（KPSL）的应征者，有第二次考核的机会。

该委员会主席丹斯里玛末阿当说，有关应征者无需如其他新鲜人般，要通过更多的考核，也豁免参加视觉与体能测试，甚至在身体质量指数测试，获准放宽至19至30之间。

“我们原定的身体质量指数测试标准是19至26之间。”

他今天召开新闻发布会，针对全国公务文员职工总会（CUEPACS）主席拿督奥玛奥斯曼呼吁公共服务委员会在评估在职官员委任升级的遴选时，豁免申请者通过身体质量指数测试的课题，如是回应。

奥玛奥斯曼也出席记者会。

玛末阿当认为，应以正面的角度来看待这项测试，体能与健康是反映一个制服机构及官员的形象。

他说，N41级的在职官员委任升级遴选是于本月8至19日期间在全国举行，以填补国内贸易及消费人事务部16个空缺及陆路交通局的22个空缺。

他指出，委员会共接获4万125份申请，只有1万2104人符合资格并受召出席体能测试，最后仅有227人出席。

他透露，该委员会是于3年前推行这项身体质量指数测试，不符合资格者将无法晋级。

他说，无法通过测试令应征者非常沮丧，希望该委员会给予第二次机会重考。#

China Press 20/9/2013 A7

應徵執法人員 須符合體重要求

(布城19日讯) 公共服务委员会在招募N41级官员(制服队伍)中,也设下身体质量指数(BMI)标准条件,申请者需要符合体重要求,才能应徵成为执法人员。

由贸消部和陆路交通局开放的22及16个N41级职位空缺中,共有4万125名申请者,其中有1万2129人通过首轮遴选,以进行体能测试和感官测试。

让全国民事雇员职工总会非议的是,有多达252名在职官员,被指在申请上述空缺中享有特别待遇,即无须经过学历或平均积分(CGPA)遴选、免除视力测试和享有较宽松的身体质量指数要求。

该职工总会主席拿督奥马斯曼因此建议公共服务委员会,重新审查有关申请。

他说,一些官员在涉及部门服务多年,且符合N41级执法人员多项申请条件,唯独在身体质量指数标准上,因些微差距而可能不



■马末阿当(左)和奥马斯曼解说该次N41级官员职位应徵者的人数统计,及面对的问题。

得入选,政府或需对这些官员放宽条件。

“至于参与该遴选的大学毕业生,就该根据政府所设定的执法人员服务条件和资格进行遴选。”

他今日与公共服务委员会主席丹斯里马末阿当开会后,在记者会这么发言。

马末阿当过后指出,明日遴选成绩出炉后,才能知晓多少位在职官员通过身体质量指数考验。

“我们将依据政府设定的条件来遴选,为免出现不公局面,我们将继续与全国民事雇员总会和其他有关单位协商,找出最佳方案。”

Akhbar : China Press, Kwang Wah Yit Poh
Tarikh : 20 September 2013
M/S : A7, A7

**Pemohon Jawatan Pegawai Penguatkuasa
Perlu Memenuhi Syarat BMI**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sedang dalam proses pengambilan Pegawai Penguatkuasa Gred N41 (Badan Beruniform) dan telah menentukan syarat BMI bagi pemohon. Mereka yang memenuhi syarat BMI barulah boleh dilantik menjadi Pegawai Penguatkuasa.

Kementerian Perdagangan, Koperasi dan Kepenggunaan serta Jabatan Pengangkutan Jalan telah membuka masing-masing 22 dan 16 jawatan kosong jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred N41. Antara 40,125 pemohon, hanya 12,129 pemohon berjaya melepasi tapisan awal dan perlu menjalani ujian fizikal dan ujian deria yang seterusnya.

Perkara yang banyak dibangkitkan oleh CUEPACS ialah isu keistimewaan yang dinikmati oleh sebanyak 252 orang pegawai dalam jawatan yang membolehkan mereka tidak perlu melepasi syarat kelayakan akademik dan CGPA, ujian penglihatan dan menikmati kelonggaran syarat BMI. Maka, Presiden CUEPACS, Dato Haji Omar Osman telah membangkitkan isu ini dan meminta S.P.A. untuk meneliti masalah ini.

Beliau mengatakan bahawa terdapat sesetengah pegawai yang telah lama berkhidmat dalam jabatan berkenaan dan memenuhi syarat-syarat untuk dilantik sebagai Pegawai Gred N41, namun hanya terpesong sikit daripada syarat BMI yang ditentukan dan tidak dapat melepasi tapisan. Beliau meminta agar SPA melonggarkan syarat terhadap pegawai tersebut.

Pengerusi S.P.A. Tan Sri Mahmood Adam mengatakan bahawa keputusan bagi urusan pengambilan jawatan tersebut akan diumumkan dan pada masa itu barulah boleh mengetahui berapa ramai calon KPSL yang berjaya melepasi syarat BMI.

“Kami akan membuat tapisan mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh kerajaan dan mengelakkan ketidakadilan berlaku dan kami akan meneruskan perbincangan dengan CUEPACS serta pihak yang berkenaan untuk mendapatkan penyelesaian yang sesuai.”